



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA

---

**Bil. 54**

**Rabu**

**29 November 2017**

---

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Harga Tiket Penerbangan semasa Musim Perayaan**  
– YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (*Lanang*) [Halaman 1]
- **Rayuan Kirushmita A/P Anbalakan untuk Memasuki  
Kursus Pergigian di UKM, USM, UPM atau Kursus Sains  
Bio Perubatan di UM, UPM, USM**  
– YB. Dr. Ong Kian Ming (*Serdang*) [Halaman 5]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 29 November 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Harga Tiket Penerbangan semasa Musim Perayaan**

**2.34 ptg.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sejak 2013, saya telah banyak kali membangkitkan isu harga tiket penerbangan yang terlampau mahal dan membebankan rakyat pada musim perayaan, terutamanya semasa Tahun Baru Cina dalam Dewan yang mulia ini, tetapi amat kesalnya tiada apa-apa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Harga tiket penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sibul dan juga Johor ke Sibul adalah sangat tinggi pada musim Tahun Baru Cina. Rakyat dari Sarikei, Kapit, Kanowit, Julau, Hulu Rajang dan sebagainya perlu berhenti di Sibul untuk balik ke kawasan masing-masing.

Namun, Kementerian Pengangkutan selalu memberi jawapan yang sama bahawa kementerian tidak dapat mengawal harga tiket penerbangan dan ianya ditentukan oleh syarikat penerbangan sendiri. Akan tetapi, Timbalan Menteri Pengangkutan pernah mengatakan ada *capping* bagi tiket penerbangan MASwings dari Sibul ke Kota Kinabalu iaitu RM243 sehalu bagi kelas ekonomi.

Benarkah kerajaan pernah mengenakan harga maksimum atau harga siling untuk tiket penerbangan MASwings kerana apabila saya semak berkali-kali, harga yang paling rendah pun sudah RM301.66 untuk penerbangan sehalu. Pernahkah Kementerian Pengangkutan menjalankan siasatan untuk perkara ini dan apakah hasil siasatannya. Saya juga ingin tahu tentang apakah laluan *rural air service* (RAS) yang

diberi subsidi dan berapakah subsidi yang diberikan kepada laluan masing-masing.

Pada 8 November 2017, Menteri Pengangkutan mengumumkan di Dewan Rakyat bahawa MAVCOM tidak ada kuasa untuk menentukan harga siling atau harga maksimum untuk tiket penerbangan kerana ia bukan *controlled item*. Yang Berhormat Menteri juga mengatakan bahawa jikalau harga tiket untuk masa tertentu terlalu tinggi, aduan boleh dibuat kepada MAVCOM.

Saya ingin tanya, apakah guna kita membuat aduan kepada MAVCOM apabila MAVCOM tidak dapat membuat apa-apa ke atas penetapan harga tiket penerbangan. Memandangkan Kementerian Pengangkutan dan juga MAVCOM tidak ada kuasa untuk mengawal harga tiket penerbangan, apakah cara penyelesaian untuk mengurangkan bebanan rakyat Sibu semasa musim perayaan.

Sekali lagi, saya berharap pihak kerajaan dapat mengehadkan harga maksimum tiket penerbangan terutama pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Ching Ming, Hari Gawai, Hari Raya, cuti sekolah dan sebagainya supaya ia tidak membebankan rakyat yang ingin balik ke kampung masing-masing. Saya juga merayu supaya MAVCOM dapat membuka laluan Sibu ke Kota Kinabalu, Sibu ke Miri, Sibu ke Bintulu dan sebagainya kepada syarikat penerbangan yang memohon penerbangan laluan tersebut.

Saya juga menyeru supaya kementerian menyediakan laluan dari Sibu ke luar negara seperti Singapura, Hong Kong, China, Taiwan dan sebagainya untuk memudahkan rakyat Sibu agar tidak perlu transit di negeri lain. Sekian, terima kasih.

### **2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu harga tiket penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sibu dan juga Johor ke Sibu adalah sangat tinggi pada musim Tahun Baru Cina. Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ataupun *Malaysian Aviation Commission* (MAVCOM) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam.

Berdasarkan kepada seksyen 17, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia

mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.

Secara amnya, kerajaan tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawal selia perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan.

Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Berdasarkan semakan yang dilaksanakan, harga tambang purata bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu dan Johor Bahru-Sibu adalah seperti berikut:

Laluan	Tahun	Syarikat Penerbangan	Purata Tambang (RM)
Kuala Lumpur-Sibu (pergi-balik)	2016	AirAsia	235.20
		Malaysia Airlines	504.00
	2017	AirAsia	222.60
		Malaysia Airlines	428.40
Johor Bahru-Sibu (pergi-balik)	2016	AirAsia	201.60
		Malaysia Airlines	546.00
	2017	AirAsia	197.40
		Malaysia Airlines	369.60

#### ■1440

Sehingga kini, MAVCOM mendapati harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah harga yang kompetitif. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan berhubung kenaikan harga tambang yang mahal bagi mana-mana laluan termasuk laluan Kuala Lumpur-Sibu (pergi-balik) pada waktu musim perayaan, MAVCOM akan meneliti dan memantau perkara ini serta seterusnya akan mencadangkan pendekatan yang boleh diambil berhubung harga tiket kapal terbang yang dikatakan mahal bagi laluan-laluan tersebut. MAVCOM sedang menjalankan kajian terhadap perkara ini termasuk kemungkinan untuk menetapkan harga lantai (minimum) dan harga siling (maksimum) tiket penerbangan yang dijangka akan selesai sebelum pertengahan tahun 2018.

Sebanyak 49 laluan yang menghubungkan kawasan-kawasan di Sabah dan Sarawak telah ditetapkan sebagai laluan *rural air services* (RAS) dengan jumlah keseluruhan subsidi oleh kerajaan sebanyak RM160 juta setahun. Bagi perkhidmatan

yang disediakan oleh MASwings ke semua laluan RAS, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Berdasarkan siasatan dijalankan oleh MAVCOM mendapati bahawa harga siling bagi tambang asas (*base fare*) laluan Sibu–Kota Kinabalu adalah sebanyak RM243 sehala, tidak termasuk caj-caj lain. Buat masa ini, MASwings mengenakan tambang asas sebanyak RM240 bagi laluan tersebut, di mana ia tidak melebihi tambang siling yang ditetapkan dan ditambah dengan surcaj bahan api sebanyak RM50, *passenger service charge* (PSC) sebanyak RM11 serta *goods and services tax* (GST) ke atas PSC sebanyak RM0.66 menjadikan tambang penerbangan terendah adalah berjumlah RM301.66.

Berhubung cadangan supaya MAVCOM membuka laluan dari Sibu ke Kota Kinabalu, Miri dan Bintulu kepada syarikat penerbangan lain, rasionalisasi terhadap perkhidmatan udara luar bandar ataupun *rural air services* (RAS) melalui kajian semula RAS yang dijalankan oleh MAVCOM antara lain telah mendapati ketiga-tiga laluan tersebut masih belum berpotensi sebagai laluan komersial untuk dioperasikan oleh syarikat penerbangan lain. Ini adalah kerana laluan-laluan tersebut mempunyai faktor muatan (*load factor*) yang rendah iaitu di antara 24 peratus hingga 73 peratus dengan bilangan penumpang di antara 11,951 hingga 100,792 orang penumpang pada tahun 2016.

Kebarangkalian syarikat penerbangan memberhentikan operasi disebabkan oleh kerugian ke laluan tersebut dilihat adalah tinggi akibat faktor muatan yang rendah tersebut. Pemberhentian operasi oleh syarikat penerbangan komersial tersebut secara langsung akan menjejaskan *connectivity* bagi laluan tersebut dan penyediaan perkhidmatan penerbangan secara berterusan ke laluan tersebut tidak dapat direalisasikan serta memberi kesan langsung kepada penduduk kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak yang sepatutnya menerima bantuan subsidi RAS daripada kerajaan.

Dalam pada itu, sekiranya sesebuah syarikat penerbangan komersial memberhentikan operasi ke laluan RAS yang telah dikomersialkan, kerajaan perlu menanggung kos yang tinggi untuk melantik syarikat penerbangan lain di samping ia akan memakan masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk menyediakan perkhidmatan ke laluan tersebut.

Namun demikian, Kementerian Pengangkutan akan mempertimbangkan untuk kelulusan bagi permohonan mana-mana syarikat penerbangan untuk menyediakan

perkhidmatan bagi laluan RAS yang mempunyai *commercial viability* untuk dioperasikan secara komersil.

Bagi maksud rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Malaysia khususnya di Sibu, ia adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Dalam hubungan ini, kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat Penerbangan Negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara terutama dari Singapura, Hong Kong, China dan Taiwan ke Sibu. Sekian, terima kasih.

**Rayuan Kirushmita A/P Anbalakan untuk Memasuki Kursus Pergigian  
di UKM, USM, UPM atau Kursus Sains Bio Perubatan  
di UM, UPM, USM**

**2.46 ptg.**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri atas kehadiran pada sesi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada permohonan Kirushmita A/P Anbalakan (Nombor IC: 981125435480) ke IPTA. Beliau bukan sahaja memperolehi 'A' dalam kesemua subjek di peringkat matrikulasi (Matemaik, Sains, Biologi, Fizik, Kimia, Bahasa Inggeris, Kemahiran Dinamika dan Pendidikan Moral), beliau juga memperolehi CGPA yang maksimum iaitu 4.0. Pada masa yang sama, beliau juga memperolehi Band 5 dalam ujian MUET.

Akan tetapi selepas temu duga yang diadakan pada 8 Jun 2017, beliau hanya diberi pilihan yang kelapan dalam senarai pilihan program iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian di UniSZA, Terengganu.

Saya merayu supaya beliau dapat memasuki kursus Pergigian di UM, UKM, USM ataupun UPM iaitu pilihan satu hingga pilihan empat dalam senarai pilihan program beliau. Namun jika tempat untuk kursus doktor pergigian telah penuh, saya mohon supaya beliau boleh memasuki kursus Sarjana Muda Sains BioPerubatan (*Biomedical Science*) di UPM, UM ataupun UKM kerana harapan beliau ialah untuk belajar di sebuah universiti penyelidikan (*research university*). Semua lampiran dan juga butir-butiran juga telah saya e-mel kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

Sekian, terima kasih.

## **2.48 ptg.**

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa pelajar Kirushmita A/P Anbualakan telah ditawarkan program pilihan kelapan dalam permohonan UPU online beliau iaitu Sarjana Muda Bioperubatan Unisza sesi 2017/2018. Pelajar ini dinilai melalui empat proses pemilihan iaitu:

- (i) kecemerlangan akademik pelajar tersebut;
- (ii) kecemerlangan kokurikulum;
- (iii) kecemerlangan syarat khas universiti; dan
- (iv) saringan ujian dan juga temu duga.

Untuk kecemerlangan akademik, ia diberi sebanyak 90 markah, untuk kecemerlangan kokurikulum ia diberi 10 markah dan untuk kecemerlangan syarat khas universiti didapati bahawa pelajar ini hanya melepasi syarat khas universiti dengan minimum. Kita kena faham bahawa persaingan ini adalah antara pelajar-pelajar yg semua 'A'. Ini pelajar-pelajar yang semua 'A' dan kita lihat walaupun semua 'A' tetapi dalam bidang fiziknya mendapat 'A-'. Ini adalah antara pelajar-pelajar yang semua 'A'. Kita tidak boleh melihat keseluruhannya kerana yang ini adalah pelajar-pelajar yang semua 'A', kita ada 3,000 lebih sebab lebih pelajar dan hanya dapat 'A' tidak dapat semuanya A+.

### **■1440**

Untuk ujian dan saringan temu duga, pelajar ini tidak dipanggil untuk temu duga kerana pencapaiannya dalam akademik dan kokurikulum adalah antara yang terendah dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang lain di kalangan pelajar-pelajar cemerlang saya katakan dalam bidang pergigian. Pelajar ini tidak ditawarkan pilihan satu hingga empat kerana tidak disenarai pendek untuk saringan temu duga kerana kedudukan merit yang rendah. Manakala pilihan lima dan tujuh kalah dari segi kedudukan merit yang rendah di kalangan calon pergigian yang lebih cemerlang daripada pelajar tersebut.

Pemilihan kemasukan ke UA adalah berdasarkan konsep meritokrasi dengan mengambil kira pencapaian. Saya katakan tadi pencapaian akademik 90 peratus dan pencapaian kokurikulum 10 peratus di samping syarat-syarat khas universiti dan juga saringan ujian dan temu duga yang dilaksanakan tanpa mengira perbezaan kaum,

bangsa mahupun agama. Untuk makluman, program yang dipohon merupakan program amat kompetitif dan tepat yang disediakan adalah terhadap.

Pada tahun 2017 sahaja, seramai 3,175 pelajar yang memperoleh CGPA 4.00. Pendaftaran pelajar bagi kemasukan sesi akademik 2017/2018 adalah mulai September 2017 dan untuk makluman Yang Berhormat juga dasar kementerian tidak membenarkan pertukaran program ataupun universiti di UA. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 30 November 2017.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.52 petang]***